

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1987/88

RRW 331 - Kaedah Dan Teknik Penyelidikan

Tarikh: 26 Oktober 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tgh.
(3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan. **DUA** dari Bahagian A dan **DUA** dari Bahagian B.

BAHAGIAN A (jawab DUA soalan sahaja)

1. Senarai dan jelaskan dengan contoh setiap langkah dalam rangka tinjauan penyelidikan.

(25 markah)

2. Bayangkan yang anda ingin menjalankan penyelidikan luar keatas kumpulan yang berada di dalam satu kawasan setinggan. Bincangkan isu-isu dan masalah persampelan dalam penyelidikan ini.

(25 markah)

3. Terang dan berikan contoh-contoh tentang: (25 markah)

(i) penduduk dan sampel, (8 markah)

(ii) soalan-soalan terbuka dan tertutup, (7 markah)

(iii) soalan matrik, (5 markah)

(iv) pengamatan-peserta, (5 markah)

...2/-

BAHAGIAN B (jawab DUA soalan sahaja)

4. (a) Anda telah ditugaskan untuk menjalankan suatu Kajian Soalselidik di kawasan pilihanraya parlimen Tanjung, Pulau Pinang. Daripada statistik bincangan 1980, anda telah mendapati bahawa kaum Cina ialah penduduk majoriti manakala kaum Bumiputra dan India merupakan minoriti di kawasan tersebut. Bincangkan bagaimana anda akan memilih individu minoriti dari kawasan tersebut sebagai responden kepada Kajian Soalselidik ini.

(15 markah)

- (b) Bincangkan kaedah-kaedah "quota" dan "berjalan rawak" sebagai teknik persampelan bukan probabiliti.

(10 markah)

5. (a) Bincangkan pertimbangan anda semasa membentukkan kod-kod untuk tujuan pemprosesan data dengan komputer di dalam keadaan-keadaan berikut:

- (i) maklumat umur yang akan digunakan untuk analisis penghijrahan pemuda-pemudi dari kampung ke bandar;
- (ii) maklumat berkenaan dengan setiap pekerjaan yang pernah disandang oleh seorang graduan Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan;
- (iii) maklumat jenis-jenis pekerjaan yang telah diperolehi mengikut konvensyen antarabangsa.

(15 markah)

...3/-

(b) Bincangkan prosedur untuk mewujudkan "data-set" dengan menggunakan sofwer SAS (Statistical Analysis System). Tunjukkan contoh program untuk menghasilkan "data-set" tersebut dengan menggunakan lima pemboleh-ubah.

(10 markah)

6. (a) Penyuntingan sangat penting bukan sahaja selepas sesuatu Kajian Soalselidik dijalankan tetapi juga semasa kajian itu sedang dijalankan. Bincangkan.

(10 markah)

(b) Sekiranya anda ditugaskan untuk melaksanakan suatu Kajian Soalselidik, apakah persiapan-persiapan untuk menjalankan temuduga-temuduga oleh pembantu-pembantu penemuduga?

(15 markah)

